

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

AOP302: Undang-Undang Perhubungan Perusahaan Dan Pekerja

Tarikh: 13 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. / Bincangkan fungsi kerajaan, majikan dan pekerja di dalam menggerakkan perhubungan perusahaan di negara ini. Sejauhmanakah perhubungan ini dapat mengwujudkan keharmonian perindustrian?

(100 markah)

2. "Sejarah telah membuktikan bahawa perkembangan sosio-ekonomi-politik telah mencorakkan struktur perhubungan perusahaan dan buruh di negara ini." Bincangkan.

(100 markah)

3. Anda telah diminta untuk mewakili kesatuan sekerja anda di dalam perundingan kelektif (collective bargaining). Bincangkan ciri-ciri atau pedoman yang akan anda gunakan bagi menjayakan perundingan anda. Bincangkan juga permintaan untuk perundingan kelektif mengikut peruntukan yang terdapat di Bahagian IV, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.

Indrs.

(100 markah)

...2/-

[AOP 302]

4. Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 yang digunakan di negara ini telah dikatakan sebagai punca kelemahan kesatuan-kesatuan sekerja. Bahaskan kenyataan ini serta berikan faktor-faktor lain yang menyebabkan kelemahan ini berlaku. Berikan contoh-contoh untuk menguatkan hujah-hujah anda. Perlukah Ordinan ini dipinda?

(100 markah)

5. Seorang pekerja, Tae Kwan Do telah naik berang dengan sikap majikannya, Kung Fu yang enggan menunaikan permintaannya supaya ia diberikan cuti Gong Xi Fa Cai selama dua minggu. Majikannya juga telah enggan untuk memindahkan tempat kerjanya ke tempat yang lebih selamat. Tempat kerja yang ada sekarang telah diserang oleh pijat-pijat dan nyamuk. Segala tuntutan ini telah tidak dipedulikan oleh Kung Fu, malah dimarahinya pula Tae Kwan Do. Kerana tidak dapat menahan sabar lagi, selepas ia dimarahi, Tae Kwan Do terus memukul Kung Fu ketika beliau memalingkan belakangnya untuk keluar dari tempat kerja Tae Kwan Do. Pukulan silat kuntau itu telah menyebabkan Kung Fu muntah darah dan tersewel urat lehernya. Pekerja-pekerja yang lain dan pihak majikan terus datang untuk membantu pihak masing-masing. Keadaan menjadi kelam kabut dan pertikaian perusahaan yang lebih besar telah terjadi.

Pada pandangan anda, apakah kaedah yang paling sesuai untuk menyelesaikan masalah pertikaian perusahaan ini. Sejauhmanakah pihak pengurusan atau majikan dapat menggunakan hak prerogatif pengurusan (management prerogative) di dalam menolak tuntutan Tae Kwan Do.

(100 markah)

6. Bincangkan bidang kuasa Mahkamah Perusahaan di dalam menyelesaikan pertikaian perusahaan. Sejauhmanakah bidang kuasa ini dapat memberikan keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam pertikaian perusahaan?

(100 markah)

7. Seksyen 5, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 telah memperuntukkan beberapa perkara yang dianggap sebagai penganiayaan oleh majikan ke atas pekerja. Sebutkan secara khusus perbuatan-perbuatan penganiayaan berkenaan.

(100 markah)

8. Mat Sepana telah melakukan beberapa kesalahan disiplin yang dianggap oleh pihak majikan, Syarikat Bujang Terlajak sebagai "tiada maaf bagimu." Pihak majikan kini bercadang untuk menamatkan perkhidmatan Mat Sepana tetapi takut untuk berbuat demikian kerana Mat Sepana telah mengugut untuk menuntut gantirugi di Mahkamah Perusahaan sekiranya dia dibuang kerja. Mat Sepana juga mengugut untuk mengamuk dan memusnahkan harta benda majikan. Ini amat menyusahkan pihak majikan dan mereka pun datang menemui anda.

Sebagai seorang pakar runding di bidang perhubungan perusahaan, anda diminta untuk menasihati pihak majikan tentang sebab-sebab yang boleh digunakan bagi menamatkan perkhidmatan Mat Sepana dan remedi-remedi yang akan dipohon oleh Mat Sepana sekiranya ia membawa kes ini ke Mahkamah Perusahaan. Nasihatkan Syarikat Bujang Terlajak.

(100 markah)

- 0000000 -